



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 2/2022**

**PENAMBAHBAIKAN KAEDAH DAN TATACARA PERMOHONAN PELANJUTAN
TEMPOH PAJAKAN HAKMILIK BERSTATUS PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN
MUKIM DI BAWAH SEKSYEN 90A, KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828] DI
NEGERI SEMBILAN**

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penambahbaikan kaedah dan tatacara permohonan pelanjutan tempoh pajakan hakmilik berstatus pajakan negeri dan pajakan mukim di bawah seksyen 90A Kanun Tanah Negara [Akta 828] di Negeri Sembilan.

2. Latar Belakang

- 2.1. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) telah mengeluarkan Pekeliling PTGNS Bil 9/2021 berkaitan Kaedah Dan Tatacara Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan Hakmilik Berstatus Pajakan Negeri Dan Pajakan Mukim Di Bawah Seksyen 90A Kanun Tanah Negara [Akta 828] di Negeri Sembilan pada 9 Ogos 2021.
- 2.2. Semakan oleh Pejabat PTGNS mendapati berlaku sedikit kekeliruan berkaitan pemakaian contoh format kertas pertimbangan MMK seperti di Lampiran D pekeliling tersebut dan juga tuntutan bayaran cukai tanah tahun pertama di atas kelulusan permohonan pelanjutan tempoh pajakan.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Ditambahbaik contoh format kertas pertimbangan MMK (Lampiran D pekeliling PTGNS Bil 9/2021) tersebut seperti di **Lampiran A** arahan ini.

3.2. Diperjelaskan juga bahawa untuk tujuan pelanjutan tempoh di bawah seksyen 90A ini tidak melibatkan sebarang perubahan cukai tanah. Oleh itu tiada keperluan untuk menuntut bayaran cukai tanah tahun pertama walaupun menggunakan Notis Borang 5A.

4. Kuatkuasa

4.1. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTGNS Bil 9/2021.

4.2. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(~~AMINO AGOS~~ BIN SUYUB)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 15 Februari 2022

Rujukan : Bil (53) dlm. PTGNS.10/17 klt.3

**DOKUMEN INI ADALAH HAKMILIK KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Bil. () dlm. _____
PTG.NS.

Kertas Mesyuarat No.

(Majlis Mesyuarat Kerajaan Pada.....)

**PERMOHONAN DARIPADA _____ UNTUK PELANJUTAN
TEMPOH PAJAKAN HAKMILIK _____ LOT/PT
_____ BANDAR/PEKAN/MUKIM _____, DAERAH
_____ DI BAWAH SEKSYEN 90A, KANUN TANAH NEGARA
[AKTA 828]**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus ke atas permohonan daripada _____ untuk pelanjutan tempoh pajakan hakmilik _____ Lot/Pt _____ Bandar/Pekan/Mukim _____, Daerah _____ di bawah seksyen 90A, Kanun Tanah Negara [Akta 828]

2. BUTIR-BUTIR PEMOHON

a) Pemohon : _____

b) No.Kad Pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat/
Pertubuhan/Koperasi/Agensi : _____

c) Alamat : _____

d) Tarikh Permohonan : _____

e) Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut :-

i) _____
No. K/P : _____

ii) _____
No. K/P : _____

e) Tarikh permohonan : _____

3. BUTIR-BUTIR HAKMILIK

a) Daerah : _____

b) Bandar/Pekan/Mukim : _____

c) Jenis & No. Hakmilik : _____

d) No. Lot/PT : _____

e) Luas : _____

f) Tempoh Pegangan : _____

g) Tarikh Luput Pajakan : _____

h) Pemilik Berdaftar : _____

h) Jenis Kegunaan : _____

i) Syarat Nyata : _____

j) Sekatan Kepentingan : _____

k) Bebanan Berdaftar : _____

l) Ingatan : Tanah Rizab Melayu

4. KEADAAN DAN KEDUDUKAN TANAH

4.1. Kedudukan Tanah

Tanah ini terletak di _____

4.2. Keadaan Tanah : _____

4.3. Jenis Tanaman : _____

4.4. Jenis Bangunan : _____

4.5. Tanah dikelilingi oleh :-

- a) Utara - _____
- b) Selatan - _____
- c) Timur - _____
- d) Barat - _____

5. HURAIAN PENTADBIR TANAH _____

5.1. _____

5.2. _____

6. SYOR PENTADBIR TANAH _____

6.1. Pentadbir Tanah _____ mengesyorkan supaya diluluskan permohonan daripada _____ untuk pelanjutan tempoh pajakan hakmilik _____ Lot/PT _____ Bandar/Pekan/Mukim _____, Daerah _____ di bawah seksyen 90A, Kanun Tanah Negara [Akta 828] dengan syarat-syarat seperti berikut :-

Tempoh Pegangan : 99 tahun

(Tarikh mula tempoh pegangan baharu adalah tarikh permohonan pelanjutan tempoh dikemukakan oleh pemohon)

- Contoh bagi tempoh pegangan asal 99 tahun


Pelanjutan Tempoh Pegangan :

30 tahun (bermula dari _____

(masukkan tarikh tamat pajakan asal)

(masukkan tarikh sehari sebelum tamat pajakan baharu)

hingga _____ seperti berikut:



Kenaan Premium : RM _____
$$\left[\frac{25\% \times \text{JPPH} \times 30 \text{ tahun}}{99} \right]$$

7. **HURAIAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

7.1. _____

8. **SYOR PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

9. **KEPUTUSAN**

9. Dibentangkan untuk pertimbangan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

(

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus

)

(

Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

)